

# PELITA BRUNEI



## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 32 RABU 9 OGOS, 1967. 1387 جمادی الاول رابو PERCHUMA

### PERARAKAN PUTERA2 DI-RAJA KELILING BANDAR TANDA SELAMAT BERKHATAN

**BANDAR BRUNEI** — Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jefri Bolkiah telah di-arak dalam satu perarakan menurut tradisi adat isti'adat di-raja mengelilingi ibu kota pada hari khamis berikut dengan berlangsungnya upachara berkhatan ka-atas dua orang putera di-raja itu.

Rombongan kereta2 berhias putera2 di-raja itu telah di-dahului oleh pasukan pancharam Pulis Di-Raja Brunei dan alat2 kebesaran negara yang mengandungi empat puluh sinipit, 16 pedang, dan 16 tombak benderang.

Mengikuti mereka dari belakang ia-lah pasukan pancharam Askar Melayu Di-Raja Brunei serta anggota2 keluarga di-raja di-dahului oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Duli Pengiran Isteri Anak Saleha.


Perarakan tersebut telah bermula dari Istana dan perjalanan sa-jauh dua batu itu mengelilingi Jalan Tutong, Jalan Sultan, Jalan McArthur, Jalan Pretty, Jalan Stoney dan Sumbiling sa-belum berpusing ka-Jalan Tutong untuk kembali ka-Istana.

Isti'adat Berkhatan telah selamat dilakukan ka-atas putera2 Di-Raja itu pada hari Rabu lepas

Isti'adat yang di-jalankan menurut upacara ugama Islam itu telah berlangsung di-Istana Darul Hana.

Pengiran Muda Sufri Bolkiah dilahirkan pada 31 Julai 1951, manakala Pengiran Muda Jefri Bolkiah pula pada 6 Disember, 1954.

Perarakan dari Istana ka-ibu kota pada tengah hari itu ia-lah untuk mendampingkan putera2 itu dengan raayat jelata.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sedang menepung tawar ka-atas Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jefri Bolkiah, salah sa-orang putera baginda yang telah selamat berkhatan.

*Kerajaan  
terima baik  
chadangan  
yang membena  
dari raayat  
—Pemangku M.B.*

**KAMPONG BERBUNOT** — Pemangku Menteri Besar Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim pada hari Juma'at lepas telah melawat Kampung Berbunot, dalam siri lawatan untuk meninjau lebih dekat dengan keadaan kawasan luar bandar.

Kampung tersebut terletak berhampiran kuala sungai Brunei, beberapa batu dari bandar Brunei.

Di-satu perjumpaan yang dihadirhi oleh 200 orang anak2 kampung itu, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammed Yusof mengesas mereka supaya memberikan kerjasama dan bantuan sa-penoh-nya kepada pehak kerajaan dalam ranjang untuk melaksanakan projek2 dan ranjang2 yang berfaedah.

Kata-nya, segala chadangan yang membena dari raayat di-terima baik oleh pehak kerajaan, dan segala usaha akan di-buat untuk memenuhi permohonan mereka.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammed Yusof telah menjelaskan tuas2 kerajaan dan menyatakan bahawa ada-lah meniadai kewajipan ra'ayat sa-balek-nya saling memberikan kerjasama dan menghargai kenyataan bahawa kerajaan ada-lah bekerja untuk kebaikan dan kebaikan ra'ayat.

Pemangku Menteri Besar itu berkata, beliau bersa puas hati dengan pertolongan dan kerjasama yang di-berikan oleh ra'ayat dan ada-lah di-harapkan mereka akan kekal bersatu padu.

Ketua kampong Berbunot Awang Hamid bin Jais yang turut memberikan uchapan-nya berkata, beliau dan penduduk2 di-kampung itu berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kerana kemudahan2 yang di-sediakan oleh kerajaan, seperti jalan2 dan bekalan ayer bagi kampong itu.

### 4 daerah serentak adakan mashuarat bulanan

**KUALA BELAIT.** — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah melahirkan rasa kesal terhadap pendapat2 yang menyatakan bahawa pelaksanaan ranjang perkembangan lima tahun telah tidak berjalan dengan baik dan lichin.

Pegawai daerah itu, sa-laku pengurus Majlis Mashuarat Daerah berkata demikian ketika menjawab tegoran2 dari Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh, yang berpendapat bahawa di-sebabkan tidak ada-nya sa-suatu dasar yang tegas, maka ranjang itu telah tidak dapat di-

laksanakan dengan baik menuju yang semesti-nya.

Awang Zainal Abidin telah juga menyatakan, beliau menganggap sa-bagai tidak menchukopi galakkan dan bantuan yang telah di-berikan oleh kerajaan kepada usaha berchuchok tanam dan lain2 jurusan perkembangan ekonomi seperti perusahaan menangkap ikan yang mana raayat terlibat sa-chara langsung.

Sidang majlis mashuarat itu telah di-adakan di-bilek persidangan pejabat daerah Kuala Belait pada hari Sabtu yang lalu.


Pengiran Momin berkata, te-

goran2 itu tidak kena pada tempat-nya dan menggesa ahli yang berhormat itu supaya mengikuti dengan lebih teliti kemajuan2 bagi projek2 perkembangan yang di-usahakan oleh kerajaan.

Beliau telah menyebut sa-bagai chontoh berbagai2 projek dan ranjang2 yang telah di-usahakan oleh Jabatan Pertanian untuk memperbaiki pertanian di-negeri ini.

Kata-nya, peladang2 adalah di-berikan bantuan dengan bahan2 penanaman seperti bahan2 padi, pokok2 buah2an yang di-lakukman, anak2 ge-

(Lihat muka 8)



Anggota2 Askar Melayu Di-Raja yang menerima bintang2 di-istiadat itu, dari kiri ia-lah Lt. Col. Dato Setia, J. G. Moran (D.S.N.B.); Sgt. Osman bin Lahab (P.S.B.) dan Cpl. Yunos bin Tudin (P.S.B.)



Pg. Dato Pahlawan Jaya sedang di-kalongkan bintang Darjah Kebabat Yang Amat Di-Hormati-Darjah Kedua (D.K.)

## ISTIADAT MENGURNIAKAN BINTANG2 DAN PINGAT2

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah menganugerahkan gelaran Dato kapada tiga orang dalam satu istiadat pengurniaan yang telah berlangsung di-Istana Darul-Hana pada hari Rabu yang lalu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda telah juga menganugerahkan bintang2 dan pingat2 kebesaran Negeri Brunei kapada 63 orang yang lainnya kerana perkhimatian2 mereka kapada negara dan kerajaan.

Senarai nama2 yang menerima gelaran Dato ia-lah Pengiran Dato Pahlawan Jaya b. Pengiran Haji Rajid, yang di-kurniakan bintang Darjah Kebabat Yang Amat Di-Hormati — Darjah Kedua (D.K.); Dato Setia Lt. Col. J. G. Moran, yang di-kurniakan bintang Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Mulia — Darjah Kedua (D.S.N.B.); dan Dato Paduka P. E. Thompson, yang di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat

Bahagia — Darjah Kedua (D.P.M.B.); di-ikuti oleh pengurniaan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Mulia — Darjah Ketiga (S.N.B.), kapada Penolong Pesuohjaya Pulis, Awang C. T. Miller.

Pegawai Daerah Temburong, Awg. Johari bin Abdul Razak menerima Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Laila Berjasa — Darjah Ketiga (S.L.J.).


13 orang anggota pasukan keselamatan telah di-anugerahkan Darjah Setia Negara Brunei Yang

Amat Mulia — Darjah Ke-empat (P.S.B.).

Mereka ia-lah Sarjan R. A. Richardson, Sarjan D. Clark, Sarjan Major Emran bin Jaludin, Sarjan Osman bin Lahab, Kopral Yunos bin Tudin, Kopral Hamdan bin Mohamed, Kopral Yunos bin Lam-pai, Private Abdul Karim bin Jais, Private Abdullah bin Rajab, Pengiran Damit bin Pengiran Sabtu, A.P.O. Gisang, Sarian Major K. Jackman dan Sarian Samad bin Haii Abang Yusoff.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda telah menganugerahkan pingat Omar Ali Saifuddin —

(Lihat muka 6)



Gambar atas: Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda kelihatan sedang menyematkan Pingat Kerja Lama kapada tiga orang pegawai kerajaan. Dari kiri Pg. Momin bin Pg. Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait, Pg. Haji Abd. Rahman bin Pg. Haji Abd. Rahim, Juru Tulis Majlis2 Mashuarat, dan Awang Salleh bin Abd. Kadir, Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan.

# NAMA KG. RANCHANGAN PERPINDAHAN "JAYA BAKTI" DAN "JAYA SETIA"

**BANDAR BRUNEI** — Ranchangan perpindahan di-Berakas berhampiran dengan Lapangan Terbang telah di-gabongan menjadi dua buah kampung, di-kenali sa-bagai Kampong Jaya Bakti dan Kampong Jaya Setia.

Pegawai Perpindahan Awang G. D. Becket berkata, nama2 bagi Kampong Ayer dan di-sahkan oleh Kerajaan.

Ranchangan Perpindahan Berakas di-lacharkan dalam tahun 1962 dan di-ranchangkan atas dasar bahawa keluarga2 di-Kampong Ayer yang tidak bekerja tetap dengan Kerajaan ada-lah di-berikan sa-tengah ekar tanah bagi kawasan rumah dan empat ekar getah yang telah pun boleh di-toreh dan bermutu tinggi dalam satu kawasan ladang getah kepunyaan Kerajaan, di-pinggir kawasan perpindahan itu.

Pembangunan di-Berakas itu memerlukan pembinaan sa-buah klinik dan rumah2 kedai,

padang2 permainan, sa-buah rumah sakit dan sa-buah balai bomba.

Kebanyakkan dari kerja2 dalam ranchangan Berakas itu telah pun di-siapkan kechuali pembinaan sa-buah pasar, balai pulis dan rumah2 barek serta rumah2 kedai.

Masjid kawasan itu itu telah pun di-bena dan akan di-serahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama lewat bulan ini. Bangunan ini menelan belanja sa-banyak kira2 \$58,000 dan alat2 kelengkapan pemasangan

pagar dan penanaman rumput akan memakan belanja sa-banyak \$25,000 lagi.

Bangunan sekolah telah pun siap dan di-gunakan. Sekolah itu di-beri nama Sekolah Melayu Dato Marsal.

Ranchangan perpindahan itu dapat menampung lebih dari 100 keluarga, yang mana 37 dari mereka menyerahkan pembinaan rumah2 mereka kepada Pejabat Perpindahan dengan harga dari \$12,000 hingga kapada \$18,000.

Baki dari keluarga2 itu merupakan kakitangan2 Kerajaan yang di-berikan pinjaman wang untuk membina rumah masing2 menurut tingkatan mereka dalam perkhidmatan 'awam.

14 orang bukan Melayu terima sijil Bahasa Melayu

SERIA. — Empat belas orang bukan Melayu, ramai dari mereka orang2 China2 di-Seria telah menerima sijil2 tingkatan kerja kerana kemahiran mereka dalam bahasa Melayu.

Penerima2 sijil itu ada-lah di-antara 152 orang bukan Melayu yang telah berjaya dalam pepereksaan tingkatan tinggi Bahasa Melayu sejak kelas2 Bahasa Melayu bagi orang2 dewasa di-anjorkan dalam tahun 1960.

Pengelola Pelajaran Dewasa Melayu, Awang Umar bin Mohamed yang telah menyampaikan sijil2 itu berkata, bahawa orang2 bukan Melayu yang telah berjaya dalam pepereksaan2 itu kebanyakannya terdiri pelajar2 dewasa dari Daerah Belait dan Seria.

Upachara tamat pengajian itu telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Mohamed Alam, Seria baharu2 ini.

Empat belas lagi pelajar2 dewasa yang lain-nya telah juga menerima sijil2. Mereka menerima sijil2 tersebut kerana berjaya dalam pepereksaan permulaan.

Ke-empat belas pelajar2 itu, ka-semua-nya wanita telah berjaya dalam pepereksaan tersebut pada tahun lalu.

16 buah kg. akan di-sembor ubat DDT

**BANDAR BRUNEI**. — Pehak berkuasa Penghapus Malaria akan meneruskan usaha menyembor saki-baki rumah2 dengan ubat DDT di-enam belas buah kampong Daerah Brunei dan Muara dalam bulan ini.

Pehak berkuasa baru sahaja tamat dari menyembor 629 buah rumah dan bangunan2 baru di-empat belas buah kampong yang di-diami oleh 3,679 orang sa-panjang bulan Julai.

Penyemboran saki baki rumah2 dengan ubat DDT di-dalam kawasan luar bandar ada-lah sa-laras dengan satu kempen untuk menghapuskan penyakit malaria dari negeri ini.

Menjelang akhir bulan ini, satu tambahan sa-banyak 632 buah rumah dalam daerah Brunei/Muara akan di-sembor dengan ubat DDT untuk melindungi 3,378 orang dari penyakit malaria.



Gambar atas ia-lah bangunan masjid dan bawah bangunan klinik di-ranchangan perpindahan, Berakas. Bangunan2 ini baru saja siap di-bena dan akan di-gunakan tidak beberapa lama lagi.

## \$150 RIBU UNTOK MEMBENA "KUBBAH" DI-MAKAM SULTAN BOLKIAH

**BANDAR BRUNEI**. — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah membelanjakan wang sa-banyak \$150,000 kerana mendirikan sa-buah bangunan di-makam Sultan Bolkiah di-Kota Batu dekat dengan Bandar Brunei untuk mengekalkan makam tersebut sa-bagai tanda peringatan negara.

Wang itu akan di-gunakan untuk membina sa-buah kubbah yang indah supaya makam yang di-buat dari batu basol,

tidak lagi akan di-rosakkan oleh unsur2 yang boleh merosakkan.

Sultan Bolkiah, ia-lah Sultan yang ka-lima memerintah negeri Brunei ketika negeri ini berada di-puncak ke-agongan dan kebesaran-nya. Pemerintahan Baginda meliputi sa-luruh wilayah Borneo.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, untuk mengekalkan makam sa-orang Sultan Brunei yang ter-

agong se'kalii dari Sultan2 Brunei di-zaman silam, kerajaan memutuskan hendak membina sa-buah kubbah yang indah dan mengelakkan makam diraja itu sa-bagai tanda peringatan negara.

Kerja2 untuk membina kubbah itu telah di-mulakan. Ianya terletak dalam kawasan muzium yang di-chadangkan di-tanah churam yang berhadapan dengan Sungai Brunei.

Dengan ada-nya ranchangan itu, maka ia-nya merupakan satu usaha untuk menarek pelancong2 bagi melawat ka-negeri ini.

9 OGOS, 1967

**KEKUATAN  
BERFIKIR**

SA-SUATU yang berbentuk baik dan membawa ada-lah amai bijak di-terima baik ia-nya di-buat sa-bagi landasan pelancharan sa-satu ranchangan atau pun di-terima sa-bagi sa-satu yang amat berfaedah, kerana sa-satu yang baik itu jika sudah pasti akan kebaikannya, maka hasilnya pun akan baik juga.

Tidak sa-mesti-nya fikiran2 yang di-sifatkan membawa itu hanya datangnya dari kaum intilek saja, tetapi dari segi hidup sa-bagi manusia yang mempunyai daya berfikir, maka fikiran2 yang baik itu tidak mustahil pula di-lahirkan oleh orang2 kebanyaknya atau dari gulongan2 yang di-katakan rendah.

Cherdek pandai dunia tidak semua-nya terdiri dari orang2 yang menguasai ilmu2 pengetahuan yang menjulang tinggi dan tidak semua-nya orang2 yang mempunyai kelulusan itu mempunyai pula daya fikir yang kuat atau melahirkan "idea2" yang mengagumkan. Dari sini tidak mustahil pula di-antara gulongan2 mereka itu langsung tidak menguasai chara berfikir yang baik, apa lagi melahirkan sa-satu fikiran yang membawa dan di-hargai.

Maka dari jurusan ini-lah, kita perlu menerima fikiran2 dari semua gulongan tidak kira yang terdiri dari raayat biasa, raayat pertengahan atau pun raayat atasan, kerana mereka adalah manusia biasa dan kerana sekarang kita mahu sa-satu yang benar2 membenarkan demi untuk memusatkan perkembangan negara Brunei agar sentiasa di-lingkungi "setangi" untuk di-hidu oleh dunia.

Kerajaan sentiasa memberikan peluang kapada seluruh lapisan raayat agar memberikan segala chadangan2 yang membawa dan segala chadangan2 yang berbentuk bagitu ada-lah di-terima baik oleh Kerajaan dan segala usaha akan di-buat untuk memenohi permohonan mereka.

Kerjasama dari semua gulongan bagi pelaksanaan semua ranchangan haruslah di-lakukan terus menerus.



Rombongan Menghantar Pertunangan Di-Raja. Yang di-usong oleh Pengarah Haji Mokti ini ia-lah kanak2 perempuan yang berpakaian laki2.



Dayang2 yang membawa gangsa2 yang berisi dengan surat Mahar atau Berian dan ganti2an.



Kanak2 yang berpakaian lengkap ini di-saksikan kapada isteri2 Pembesar Negara, sa-belum di-sembahkan kapada D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan dan D.Y.M.M. Raja Isteri.



Suasana ketika di-adakan Istiadat Menerima Pertunangan Di-Raja di-Istana Darul Hana.

## Suasana Istiadat Pertunangan Di-Raja

DUL12 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri pada petang Isnin yang lalu telah memperkenankan pertunangan Di-Raja antara puteri Baginda yang kedua, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'aib dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof, putera sulong Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Pen-

giran Bini.

Baginda dan Raja Isteri telah merina persembahan tanda pertunangan di-rajanya ia-itu sa-orang kanak2 perempuan yang berpakaian laki2, lengkap dengan pakaijan2 rasmii upachara itu yang di-persembahkan kapada Dul12 Baginda dari rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'aib akan melangsangkan perkahwinan-nya dengan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar dan di-iringi oleh pegawai2 yang membawa alat kebesaran di-rajanya terdiri dari 8 tumbak, 8 pedang dan 20 sinipit.

Satu tembakan meriam sa-bagai aluan sa-banyak 17 das telah di-lepaskan sa-baik2 sahaja rombongan itu tiba di-Istana.

Isti'adat yang berlangsung di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha ada-lah menurut Adat Isti'adat Di-Raja turun temurun di-dahului dengan tembakan meriam sa-banyak tujuh das.

Ini di-ikuti pula dengan Isti'adat Berbedak-Bedak Lulutan dan Bersiram kapada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohd. Yusof dengan menggunakan empat jenis ayer yang semerbak bau-nya.

Di-Istana Darul Hana, Isti'adat pertunangan Di-Raja itu bermula kira2 sa-tengah jam kemudian-nya.

Rombongan tersebut yang membawa Tanda Pertunangan Di-Raja telah diketuai oleh Ketua Cheteria Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar dan di-iringi oleh pegawai2 yang membawa alat kebesaran di-rajanya terdiri dari 8 tumbak, 8 pedang dan 20 sinipit.

Sa-bagi menandakan Hantaran Tanda Di-Raja itu di-terima di-Balai Permajangan Indera Kenchana, Istana Daru Hana, maka meriam pun di-tempatkan sa-banyak 17 das.

Tanda Pertunangan Di-Raja itu telah di-persembahkan terlebih dahulu kapada Isteri2 Pembesar negara di-ketuai oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha isteri kapada Yang Tera-

mat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah.

Kanak2 perempuan itu, kemudian-nya di-persembahkan kapada Dul12 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri untuk menjunjong anugerah pengabulan Baginda suami isteri.

Terdahulu dari itu, pada malam 6 Ogos yang lalu, Isti'adat Menghantar Tanda Di-Raja dari Rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha ka-Istana Darul Hana telah dilangsangkan.

Sa-bagi menandakan Hantaran Tanda Di-Raja itu di-terima di-Balai Permajangan Indera Kenchana, Istana Daru Hana, maka meriam pun di-tempatkan sa-banyak 17 das.

Rombongan Menghantar Tanda Di-Raja itu di-ketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera dan Hantaran Tanda Di-Raja itu ia-lah sa-orang kanak2 perempuan yang bergelang pengaluan, geronchong, subang dan berbunga serondoh yang "di-kipak" oleh Pengarah dan di-iringi oleh Dayang2 yang membawa gangsa2 ba-waa.

Di-Balai Permajangan Indera Kenchana, Tanda Perkahwinan Di-Raja itu kemudian-nya di-sembahkan kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Raja Isteri.

Do'a selamat te-la-h di-bacakan oleh Sahibol Fa dzilah Awang Haji Ismail bin O'mar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei.



No. 4 dari kiri ia-lah Y.A.M. Pengiran Kerma Indera yang mengepelai rombongan "Menghantar Tanda Di-Raja".



Y. T. M. Duli Pengiran Isteri Anak Saleha (No. 2 dari kiri) dan Y. T. M. Pengiran Anak Puteri Masna dalam Istiadat Menghantar Tanda Di-Raja. Duli Pengiran Isteri Anak Saleha telah mengepelai isteri2 pembesar negara dalam Isti'adat itu.



Perkakas yang di-pakai oleh kanak2 perempuan ini ia-lah Gelang Pengaluan, geronchong, subang dan bunga Serondoh. Kanak2 ini telah menjadi tumpuan perhatian para tetamu kerama ia-nya di-selubungi dengan pa-kaijan Adat Isti'adat Di-Raja turun temurun.



Di-kanan ia-lah kanak2 perempuan yang berpakaian laki2 dan di-kiri ia-lah kanak2 laki2 "Pemutus Tali Jintong".

# Jawatan-Jawatan kosong

## DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemp'ut daripada ra'ayat DYMM Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat DYMM Al-Sultan yang berugama Islam bagi memenuhi jawatan2 kosong di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, seperti yang berikut di-bawah ini: —

- (a) SA-BAGAI FARDHU KEPAYAH (Perempuan)  
3 jawatan kosong.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$200x10 - 230 sa-bulan.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- (i) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 50 tahun;
- (ii) Mesti-lah mengetahui Hal Ehwal Ugama Islam dan Rukun2 Ugama Islam, terutama sekali pengetahuan menghafizi mayat;
- (iii) Satu pepercayaan sa-chara soal mulut akan di-adakan di-masa temu duga.

Pemohon2 yang berjaya mesti-lah bersedia di-tempatkan di-sebarang daerah dalam negeri ini.

Permohonan2 yang di-fikirkan berkelayakan, tetapi berumur lebih dari yang di-sharatkan boleh jadi akan di-lantek dengan sa-chara sa-bulan ka-sebulan.

- (b) SA-BAGAI PEGAWAI KUBAH MAKAM  
(2 jawatan kosong).

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$200x10 - 400 sa-bulan.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- (i) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 50 tahun.
- (ii) Mesti-lah mengetahui serba sedikit ilmu pengetahuan dalam Hal Ehwal Ugama Islam umpama-nya membaca Kitab Suci Al-Quran, doa2 tahlil dan yang lain2 lagi.
- (iii) Satu pepercayaan sa-chara soal mulut akan di-adakan di-masa temu duga.

Permohonan2 yang di-fikirkan berkelayakan, tetapi berumur lebih daripada yang di-sharatkan boleh jadi akan di-lantek dengan sa-chara sa-bulan ka-sebulan.

- (c) SA-BAGAI PENDAFTAR SEKOLAH2 MENE-NGAH (1 jawatan kosong).

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$660x30

- 900 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

KELAYAKAN DAN PENGALAMAN:

- (i) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu dan Darjah V Sekolah Ugama serta Form II Inggeris.
- (ii) Mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran sekolah2 dan mesti-lah lulus dalam latehan perguruan.
- (iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei tidak kurang dari 10 tahun.
- (iv) Keutamaan akan di-beri kapada orang2 yang berpengalaman dalam ilmu mengajar.

- (d) SA-BAGAI JAGA  
(2 jawatan kosong):

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$160x5 - 175 sa-bulan.

KELAYAKAN2:

- (i) Mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 60 tahun; dan
- (ii) Tahu menulis dan membaca.

Semua permohonan2 dari-pada Pegawai2 dalam perkhidmatan Kerajaan mesti-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama dengan satu chatetan perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 27 Ogos, 1967.

## SA-BAGAI PENYELANGGARA SETOR DI-JABATAN LETRIK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenuhi satu jawatan sa-bagai Penyelanggara Setor Tingkat I di-Jabatan Letrik, Brunei.

KELAYAKAN DAN PENGALAMAN:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 dan 35 tahun serta mempunyai pengalaman bekerja selama 3 tahun dalam setor letrik yang besar. Mereka2 mesti-lah mahir dalam peraturan2 setor, nama2 barang, mengambil setok, menyimpan kira2 dll. Kebolehan menaip ada-lah perlu.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D. 4 - \$500x20 - 620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon2 yang berjaya yang bu k a n r a ' a y a t D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaan selama 6 bulan. Chalon yang berjaya yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau berhak di-daftarkan sa-

demikian akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

BAKSIS:

Bagi chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan ge-nap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

CHUKAI PENDAPATAN:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 23 Ogos, 1967.

## ISTIADAT MENGURNIAKAN BINTANG2 DAN PINGAT2

(Dari muka 2)

Kelas Pertama kapada Inspektor Awang Mohamed bin Momin dan Kelas Kedua kapada empat orang ia-itu Awg. Abidin b. Abdul Rashid, Sarjan Naim bin Omar, Awg. E. M. Reynold dan Wan Chik bin Wan Ismail.

Dr. C. M. Lamplugh dari Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei telah menerima Darjah Paduka Seri Laila Jasa.

33 orang kakitangan kerajaan te-lah menerima Pingat Kerja Lama,

Mereka ia-lah Awang Sibin bin Bongsu, Awang Salleh bin Mohamed, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Awang Md. Salleh bin Abdul Kadir, Awg. Maidin bin Sihin, Pengiran Burut bin Pengiran Apong, Pengiran Damit bin Pengiran Ali, Abdul Hamid bin Yassin, Awg. Dahim bin Jait, Pengiran Sulaiman bin Pgn. Haji Udin, Awg. Daud bin Tunjang.

Awang Sahari bin Idris, Awang Abdullah bin Hashim, Awg. Mohd. Yusof bin Seruddin, Awg. Yahya bin Abdul Kadir, Awg. Mohamad Jamil bin O.K.S. Bakti, Awg. Ibrahim bin Lamit, Awg. Karim bin Kahar, Awg. Abu Bakar bin Uni, Awg. Amat bin Ajak, Awg. Abdul Rahman bin Razak, Dayang Mai-munah binte Hussain.

Awang Hashim bin Tatan, Pgn. Haji Abdul Rahman bin Pgn. Haji Ahdul Pithim, Awg. Mahmud bin Abdulliah, Awg. Chin Kui Lin, Pgn. Momin bin Pengiran Haji Ismail, O.K. Setia Negara Awang Safar bin Mohamed Salleh, Awg. Salleh bin Andor, Awg. Idris bin Tengah, Awg. Haji Mohd. Salleh bin Abdullah, Pgn. Tajuddin bin Pgn. Apong dan Awg. Alin bin Tambi.

Pingat Pulis Di-Raja telah di-kurniakan kapada Sarjan Suhaimi bin Damit, Kopral Mohamed bin Tarip, Kopral Ibrahim bin Bakar dan Kopral Jumat bin Kerudin.

Duli Yang Maha Mulia telah juga menganugerahkan Pingat Jasa Kebaktian kapada Dayang E. W. M. Mackenchine, Awg. Ahmad bin Mohamed Said, Dayang Yong Nyet Hua dan Awang Chin Chu Siah.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9 Ogos, 1967 hingga ka-hari Selasa 15 Ogos, 1967 adalah seperti bi-bawah ini:—*

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
9 Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	
10 Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	
11 Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	
12 Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	
13 Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	
14 Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	
15 Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu. Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.*

## Sepak raga bagi sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan sepak raga bagi sekolah2 bahagian Brunei I, II, dan III telah di-mulakan dalam minggu lalu.

Sa-banyak 40 pasukan dari 27 buah sekolah telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Perlawanan tersebut di-bahagian kapada dua bahagian ia-itu bahagian "A" dan "B".

Pada 2 Ogos perlawanan bagi sekolah2 bahagian Jalan Tutong telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Bunut. Dalam perlawanan itu Sekolah Melayu Bunut menjadi johan dalam kedua2 bahagian.

Pada hari yang masa perlawanan telah di-adakan bagi sekolah2 bahagian Jalan Muara yang mana Sekolah Melayu Delima Satu muncul menjadi johan dalam bahagian "A" manakala Sekolah Melayu Dato Marsal telah menjadi johan dalam bahagian "B".

Pada 3 Ogos, perlawanan bagi sekolah2 bahagian Kuala Brunei telah di-langsungkan di-gelanggang Sekolah Melayu Pusar Ulak.

### Peraduan Bahath Anjoran Persatuan Belia Belait

KUALA BELAIT. — Persatuan Belia Belait akan menganjorkan satu peraduan bahath dalam bulan September yang akan datang.

Peraduan itu ia-lah salah satu projek persatuan itu untuk meraikan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan hanya terbuka kepada persatuan2 dan kelab2 di-daerah Belait sahaja.

Borang2 masok dan butir2 mengenai peraduan tersebut boleh didapati daripada orang2 yang berku di-bawah ini:

Awang Ismail Bungs, Awang Kassim Suhaimi, Awang Yusof Munir dan Nassar Mokti, di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait dan Awang Amidon Yassin, di-Maktab Anthony Abell, Seria.

## BOLA TAMPAR PERSAHABATAN

### SABAH KALAHKAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Satu perlawanan bola tampar sa-chara persahabatan antara pasukan Jesselton dengan pasukan Bandar Brunei telah di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada hari Rabu lepas.

Sa-banyak dua perlawanan telah di-pertandingkan.

Dalam perlawanan yang pertama pasukan Sabah telah berjaya mengalahkan pasukan bandar Brunei dengan kiraan mata 15-7, 15-3 dan 15-3.

sekali lagi di-Bandar Brunei pada hari Isnin lepas dan telah berjaya mengalahkan pasukan Brunei dengan kiraan mata 15-7, 15-3 dan 15-3.

Juru lateh sokan negeri Brunei, Awang Eli Bontiago berkata, permainan bola tampar sedang di-minati di-negeri ini.

Kata-nya, wakil2 dari pasukan2 bola tampar di-Bandar Brunei, Kuala Belait dan Seria tidak lama lagi akan mengadakan pertemuan di-Seria untuk menimbaungkan pembentukan sa-buah persatuan bola tampar amateur di-negeri Brunei untuk menggalakkan permainan bola tampar sa-chara tersusun.

### KA-DAERAH BELAIT

Dalam perlawanan enam orang peserta, Sabah sekali lagi berjaya dengan kiraan mata 15-8 dan 15-8.

Pasukan Sabah yang mengandungi 10 orang pemain telah juga pergi ka-Kuala Belait dan Seria untuk bermain dengan pasukan di-situ.

Pasukan itu telah bermain

## \$45,000 pinjaman dan bantuan untuk Kelab Penerbangan Di-Raja

BANDAR BRUNEI — Kelab Penerbangan Di-Raja Brunei telah mendapatkan sa-buah kapal terbang jenis Cessna, hasil dari pinjaman dan bantuan dari kerajaan.

Setiausaha Pertadbiran Kelab tersebut, Awangku Idris bin Pg. Kerma Indera Hj. Mohamad berkata, bantuan itu ada-lah sa-bagai menunaikan permohonan bantuan kewangan untuk membeli sa-buah kapal terbang latehan.

Awangku Idris berkata, kelab penerbangan baru2 ini telah menerima sa-keping chek berharga \$45,000 dari Jabatan Kewangan.


Sa-paroh dari jumlah wang itu merupakan hadiah, dan yang sa-paroh lagi sa-bagai pinjaman tanpa bunga.

Anggota2 kelab telah pun memulakan latehan penerbangan mereka pada awal tahun ini berikutan dengan langkah menyewa sa-buah kapal terbang Cessna dari Perkhidmatan Udara Malaysia di-Kuala Lumpur.

Pada masa ini, kelab itu bertempat di-lapangan terbang Berakas.

## GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU

## SITUYU MINGGU INI



## Hoki Daerah

### Tutong:

11 Ogos

peringkat akhir

TUTONG. — Lapan buah pasukan di-daerah Tutong telah memasuki perlawanan untuk merebut gelaran kejohanan hoki daerah itu kerana menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ke-51.

Perlawanan kejohanan itu di-anjorkan oleh Persatuan Melayu Luagan Dudok dan hanya terbuka kapada sekolah2 dan persatuan2 di-daerah Tutong.

Perlawanan pertama telah di-langsungkan pada hari Juma'at di-antara Persatuan Melayu Keriam dengan Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya. Dalam perlawanan itu pasukan Melayu Keriam telah menang dengan 2 gol berbalas 1.

### PERINGKAT AKHIR

Pada 5 Ogos perlawanan telah di-adakan di-antara Sekolah Menengah Melayu Pertama (Muda Hashim) dengan Persatuan Melayu Luagan Dudok. Keputusan-nya Persatuan Melayu Luagan Dudok telah menang dengan 4 gol tidak berbalas.

Persatuan Gerakan Pemuda Pemudi Sukarela telah mengalihkan Persatuan Tunas Harapan Senaut dengan 9 gol berbalas 1 dalam satu perlawanan yang telah di-adakan pada 6 Ogos.

Perlawanan kejohanan yang di-jalankan mengikut sistem kalah mati akan berakhir pada 11 Ogos dengan satu perlawanan di-antara "KEMUDI", Kiudang dengan Persatuan Sengkarai.

# MASHUARAT DAERAH: PEGAWAI DAERAH BELAIT KESALI TEGORAN YG TIDAK KENA PADA TEMPAT-NYA

(dari muka 1)

tah yang tinggi mutu-nya, tali ayer, sa-hingga kapada jente-ra2 pembajak.

Menyentoh tentang perusahaan menangkap ikan, Pengiran Momin mengingatkan kembali bahawa kerajaan telah pun menghantar beberapa orang nelayan ka-luar negeri untuk mempelajari kaedah2 menangkap ikan yang paling moden.

## GAGAL

Tetapi, malang-nya, tegas beliau, nelayan2 itu gagal dalam menyempornakan tugas mereka yang di-janjikan untuk meneruskan kerja2 sa-bagai nelayan.

Terdahulu dari itu, Majlis telah meluluskan dua usol yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Awang Zainal Abidin.

Usol2 itu ia-lah untuk mengadakan paip2 di-tepi jalan dalam kawasan perpindahan Sungai Duhon dan membubuh minyak tar pada jalan raya Sungai Pandan dalam kawasan bandaran Kuala Belait.

Majlis itu telah juga memberikan jawapan kepada tiga soalan yang di-majukan oleh Awang Ismail bin Duraman.

Di-Tutong, Majlis Mashua-

rat Daerah Tutong telah meluluskan satu usol yang di-kemukakan oleh Awang Metali bin Orang Kaya Haji Talip menyeru supaya di-adakan sabuh chawangan bagi Pejabat Penguasa Warith di-daerah Tutong.

Persidangan itu di-pengerusikan oleh pegawai daerah Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh.

Majlis Mashuarat Daerah Temburong tela h juga berlangsung pada hari yang sama bertempat di-Kelab Temburong, Pekan Bangar.

Majlis itu telah membahathkan emas usol, dan pada akhir-nya meluluskan tiga usol yang mana dua dari usol2 itu di-kemukakan oleh Awang Haji Abu Bakar bin Baha.

Usol Awang Haji Abu Bakar yang pertama mahukan kerajaan supaya menimbaangkan perlantekan dua jawatan gelaran menteri yang maseh kosong bagi daerah tersebut.

## GELARAN MENTERI

Kata-nya tidak sa-orang pun dilantek untuk memegang gelaran2 Orang Kaya Muda dan Orang Kaya Gerisau yang sa-harus-nya di-adakan bagi daerah Temburong.

Awang Haji Abu Bakar juga mahukan kerajaan supaya membantu isteri2 orang2 sakit di-rumah2 sakit yang tidak mampu memberikan nafkah kepada keluarga2 mereka.

Usol ketiga yang di-kemukakan

oleh Awang Metussin bin Aliak-bar memohon kerajaan supaya menempatkan guru2 yang terlalih dalam bahasa Inggeris kepada semua sekolah2 Melayu di-dalam daerah Temburong.

Kata-nya, guru itu di-perlukan untuk mengajar darjah tiga dan empat supaya murid2 Melayu akan dapat memahami sedikit sa-banyak bahasa Inggeris sa-below mereka memasuki sekolah2 Inggeris di-Bandar Brunei.

Sidang mashuarat itu telah di-pengerusikan oleh pegawai daerah Awang Johari bin Abdul Razak.

## DUA USOL LULUS

Di-sidang-nya pada hari Sabtu lepas Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah meluluskan dua usol yang di-kemukakan oleh Awang Ahmad Jailani bin Abdul Rahim dan Awang Shamsudin bin Lamat.

Awang Ahmad Jailani mengesahkan bahawa sa-orang pembantuan rumah sakit hendak-lah di-tempatkan di-klinik Sengkurong dan klinik itu hendak-lah mempunyai bekalan ubat yang chukup.

Beliau berkata, orang2 sakit dan chedera di-Sengkurong kerap kali terpaksa pergi ka-rumah sakit di-Bandar Brunei kerana klinik itu tidak mempunyai kakitangan dan ubat yang chukup dan tidak menyimpan semua ubat2an yang di-perlukan.

Shor yang satu lagi yang di-kemukakan oleh Awang Shamsuddin ia-lah menchadangkan supaya lebih banyak lagi buroh yang berugama Islam di-ambil bekerja di-tempat perkuboran orang2 Islam.

**Anak Brunei  
yang pertama  
sa-bagai  
juruterbang**

BERAKAS — Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah memilih dua orang pegawai muda-nya untuk di-lateh sa-bagai juruterbang bagi platoon helikopter pasukan itu.

Kedua orang pegawai itu, Letnan Muda Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad dan Letnan Muda Jock Lin bin Kong Pau telah pun mempunyai lesen untuk memandu kapal2 terbang rengan.

Mereka merupakan anak Brunei yang pertama layak memandu pesawat helikopter sa-telah mendapat kelulusan kelak.

Sa-orang juruchakap pasukan itu berkata Awangku Abidin dan Jock Lin akan di-hantar ka-England dan akan berlepas dari Brunei hari ini kerana menjalani latehan sa-lama 11 atau 12 minggu dengan British Executive di-Air Service di-Oxford.

Bagi kedua orang pegawai itu, ini merupakan lawatan ketiga mereka ka-England.

Mereka dulu-nya menjadi Pegawai Kedet di-Aldershot dan kemudian-nya menghadiri kursus Pemerintah2 Platoon di-Warminster.

Awangku Abidin telah juga berada di-Australia kerana mendapatkan latehan payong terjun di-Unit Bantuan Udara di-Williamstown, New South Wales.

Kedua pegawai itu telah memasuki pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam bulan Ogos tahun 1965.

Awangku Abidin pernah berkhidmat sa-bagai juruhebah di-Radio Brunei dan Jock Lin sa-bagai sa-orang pekerja Sharikat Minyak Shell Brunei, di-Seria.

## KEMALANGAN JALAN RAYA BERTAMBAH BANYAK YANG BERLAKU KA-ATAS KANAK2

**BANDAR BRUNEI** — Pesurohjaya Pulis, Awang J.R.H. Burns berkata, beliau berasa bimbang tentang bertambahnya bilangan kemalangan lalu lintas di-negeri ini dan meminta pengguna2 jalan raya supaya menghormati peratoran2 jalan raya untuk mengurangkan kemalangan.

Pesurohjaya itu berkata, sa-panjang tujuh bulan yang lalu, 11 kemalangan yang mengorbankan nyawa, 14 mendapat chedera parah dan 92 chedera ringan telah berlaku di-jalan2 raya negeri ini.

Lebih dari sa-paroh kemalangan2 yang mengorbankan nyawa itu berlaku ka-atas kanak2.

Awang Burns menjelaskan sebab2 berlaku-nya kemalangan2 itu sa-bagai tidak menghormati sama sekali undang2 jalan raya, tidak mempedulikan pengguna2 jalan raya yang lain-nya, lekas meradang, dan sikap tidak menghiraukan sama sekali yang terdapat di-kalangan kebanyakan dari pemandu2 kereta.

Awang Burns berkata, kemalangan2 jalan raya boleh di-hindarkan jika pengguna2 jalan raya, terutama pemandu2 kereta menghormati undang2 jalan raya.

Beliau menasihatkan mereka supaya melambatkan kereta ketika hampir2 tiba di-simpang2 jalan dan selekoh2 yang tidak dapat di-lihat kenderaan2 dari hadapan dan memandu kereta dengan perlahan2 dan berhati2 di-jalan2 raya yang penoh sesak dengan orang ramai.

Pemandu2 kereta hendak-lah sentiasa ikut bahagian jalan mereka yang betul, dan memberikan isharat yang betul terlebih dahulu sa-below memutuskan hendak berpusing, melambatkan perjalanan mereka atau hendak berhenti.

## BERI AMARAN

Pesurohjaya itu telah memberikan amaran kapada pemandu2 kereta dari berlumba2 di-jalan2 raya atau pun memandu sa-buah kereta yang tidak layak untuk di-gunakan di-jalan2 raya.

Beliau meminta mereka supaya melambatkan kereta ketika hampir2 tiba di-simpang2 jalan dan selekoh2 yang tidak dapat di-lihat kenderaan2 dari hadapan dan memandu kereta dengan perlahan2 dan berhati2 di-jalan2 raya yang penoh sesak dengan orang ramai.

Pemandu2 kereta, tegas be-

liau, hendak-lah juga memerhatikan dan mematohi tanda2 isharat lalu lintas yang terdapat di-jalan2 raya.

## WANG SHILING BARU BRUNEI

**BANDAR BRUNEI** — Lembaga Mata-wang Brunei akan mulai menerbitkan wang shiling baru Brunei pada 22 Ogos, 1967.

Wang shiling itu mempunyai nilaiang yang sa-rupa serta sama ukuran besar, berat dan warna dengan wang shiling yang akhir sa-kali di-terbitkan oleh Pesurohjaya2 Mata-wang, Malaya dan Borneo British yang sedang di-peredarkan sekarang.

Pada bahagian hadapan wang2 shiling itu terdapat wajah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin.

Di-sabelah belakang wang shiling satu sen, lima sen, sa-puloh sen dan dua puloh sen terdapat rajah2 rekaan yang berdasarkan kapada rekaan2 yang terdapat pada wang2 shiling dahulu kala yang sa-jenis dan pernah di-gunakan di-Brunei dulu.

Wang2 shiling lima puloh sen mengandungi lambang negeri Brunei. Wang2 shiling satu sen, 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen akan di-peredarkan sa-chara beransor2.

Wang shiling yang ada sekarang ini akan terus menjadi mata-wang yang sah di-pergunaan dan bolch di-bayar dan di-terima di-Brunei ia-itu sama-lah saperti yang sedang di-perlakukan sekarang.

Wang2 itu akan di-tarek sa-chara beransor2 penggunaan-nya sa-masa wang2 shiling baru sa-makin banyak di-terbitkan dari bank2.

Wang shiling Brunei ini akan di-terima di-Malaysia dan Singapura, dan Lembaga Pesurohjaya2 Mata-wang, Singapura, boleh juga di-gunakan di-Brunei.